

Cukai korporat negara masih kompetitif

UM 20 OCT 2001

KUALA LUMPUR 19 Okt. — Kerajaan mengekalkan kadar cukai korporat pada paras 28 peratus kerana ia masih kompetitif berbanding dengan kebanyakan negara ASEAN, Asia dan beberapa negara maju.

Menurut Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Malaysia juga tidak mengenakan cukai ke atas dividen seperti negara lain termasuk Thailand, Taiwan dan Jepun.

Berucap ketika membentangkan Belanjawan 2002 di Dewan Rakyat, beliau berkata kerajaan juga telah memberikan pelbagai pakej cukai kepada pelabur asing dan tempatan.

"Jika faktor-faktor ini diam-bil kira, kadar cukai yang di-kuat kuasa adalah lebih ren-dah," kata Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan.

Sementara itu, beliau men-cadangkan supaya tempoh

Elaun Pelaburan Semula di-lanjutan kepada 15 tahun daripada lima tahun bagi mendorong semula sektor swasta menjadi jentera peng-gerak utama pertumbuhan ekonomi.

Katanya, kerajaan akan te-rus menawarkan pakej galak-an istimewa seperti yang diu-mumkan pada Belanjawan 2000 untuk menarik pelabur-an yang berkualiti.

"Setakat ini kerajaan telah meluluskan 20 projek dengan pelaburan RM33 bilion di ba-wah pakej galakan istimewa terutamanya bagi projek-pro-jek industri petrokimia dan elektronik," ujarnya.

Beliau berkata, selain men-arik pelabur bar-u, pelabur sedia ada juga digalakkan untuk terus membuat pelabu-ran semula melalui pembesar-an, modenisasi, automasi dan kepelbagaian projek.

Katanya, sejak 1997, per-kembangan ekonomi didorong

oleh pelaburan sektor awam namun bagi jangka masa pan-jang, pertumbuhan ekonomi negara tidak boleh terus ber-gantung kepada sektor itu sahaja.

Perdana Menteri berkata, Malaysia juga tidak boleh ber-gantung kepada kemasukan pelaburan langsung asing semata-mata kerana ia tidak menentu selain perlu bersaing dengan negara lain seperti China dan Amerika Latin.

Dr. Mahathir berkata, sum-bangan pelaburan sektor swasta kepada Keluaran Da-lam Negara Kasar (KDNG) kini hanya 12.8 peratus ber-banding hampir 32 peratus sebelum krisis kewangan.

"Sektor swasta tidak mengenal pasti kemampuan dan kelebihan daya sains kita dalam bidang-bidang tertentu untuk mempertingkatkan pen-geluaran dalam bidang-bidang ini," tambah beliau.